



"KU PIMPIN DIKAU".1

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ: وَأَعْلَمُوا أَنَّمَا أَمْوَالُكُمْ وَأَوْلَادُكُمْ فِتْنَةٌ وَأَنَّ اللَّهَ عِنْدَهُ أَجْرٌ عَظِيمٌ ٢٨	2
أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ أَجْمَعِينَ	3
. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا أَيُّهَا الْمُسْلِمُونَ! اتَّقُوا اللَّهَ، أَوْصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تَقَاتِهِ وَلَا تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.	4
Muslimin yang dirahmati Allah sekalian, Marilah kita bertakwa kepada Allah SWT dengan sebenar-benar takwa, dengan melakukan segala perintah-Nya dan menjauhi segala larangan-Nya. Mudah-mudahan kita tergolong dalam kalangan mereka yang mendapat keredhaan Allah SWT di dunia dan di akhirat.	5
Tajuk khutbah kita pada kali ini ialah "KU PIMPIN DIKAU." Hadirin Jumaat yang mulia,	6
Islam meletakkan tanggungjawab besar seorang bapa kepada anak-anak dan seluruh ahli keluarganya bagi memastikan kebahagiaan hidup mereka di dunia dan jaminan kebahagiaan di akhirat. Bapa juga ibarat seorang nakhoda kapal yang mengharungi lautan luas dan penuh bergelora untuk sampai ke pelabuhan yang dituju.	7



<p>Bagi mencapai matlamat kebahagiaan yang diharapkan itu, seorang bapa sebagai ketua keluarga hendaklah memastikan tanggungjawab besar itu dilaksanakan sebagaimana berikut:</p> <p>Pertama : Menanamkan Akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p> <p>Pegangan akidah yang benar adalah asas bagi seorang Islam kerana tanpa akidah kehidupan sesaorang tidak bermakna disisi Allah Taala. Sekarang ini masih terdapat dalam kalangan orang Islam yang telah menyimpang dari segi fahaman dan amalan harian mereka. Seorang bapa hendaklah memastikan dirinya terlebih dahulu dilengkapi dengan pegangan akidah yang benar. Belajarlah tanpa segan silu daripada guru yang bertauliah dengan memahami asas-asas akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.</p>	8
<p>Firman Allah dalam Surah Al-Thur ayat 21:</p> <p>وَالَّذِينَ ءَامَنُوا وَاتَّبَعَتْهُمْ ذُرِّيَّتُهُمْ بِإِيمَانٍ أَلْحَقْنَا بِهِمْ ذُرِّيَّتَهُمْ وَمَا أَلْتَنَّهُمْ مِّنْ عَمَلِهِمْ مِّنْ شَيْءٍ ۚ كُلُّ امْرِئٍ بِمَا كَسَبَ رَهِينٌ ۝۲۱</p>	9
<p><i>“Dan orang-orang yang beriman yang diturut oleh zuriat keturunannya dengan keadaan beriman, Kami hubungkan (himpunkan) zuriat keturunannya itu dengan mereka (di dalam Syurga); dan Kami (dengan itu) tidak mengurangi sedikitpun dari pahala amal-amal mereka; tiap-tiap seorang manusia terikat dengan amal yang dikerjakannya.”</i></p>	10



<p>Kedua: Memberikan Pendidikan Fardu Ain Yang Sempurna.</p> <p>Memberikan pendidikan bukan setakat menghantar anak-anak belajar di sekolah-sekolah sahaja bahkan memastikan ilmu fardu ain yang dipelajari terus diamalkan dalam kehidupan. Seorang bapa berperanan kepada dirinya dan keluarganya mengenal mana yang halal dan mana yang haram, mana yang sunat dan mana yang makruh, untuk memastikan keluarga itu sentiasa dalam landasan hidup yang berpandukan syariat Islam serta memastikan setiap ahli keluarganya mematuhi dan mentaati segala perintah Allah SWT terutama sekali perintah untuk mengerjakan solat walaupun ketika usia kanak-kanak lagi.</p>	11
<p>Perintah ini jelas diperingatkan oleh Nabi SAW melalui hadisnya daripada Amru bin Syu'aib daripada ayahnya daripada datuknya, beliau berkata Rasulullah SAW bersabda:</p> <p>مُرُوا أَوْلَادَكُمْ بِالصَّلَاةِ وَهُمْ أَبْنَاءُ سَبْعِ سِنِينَ وَاضْرِبُوهُمْ عَلَيْهَا وَهُمْ أَبْنَاءُ عَشْرِ وَفَرِّقُوا بَيْنَهُمْ فِي الْمَضَاجِعِ</p>	12
<p><i>"Perintahkanlah anak-anak kamu untuk melaksanakan solat apabila sudah mencapai umur tujuh tahun. Apabila sudah mencapai umur sepuluh tahun maka pukullah dia apabila tidak melaksanakannya serta pisahkanlah tempat tidur mereka."</i></p> <p>(Riwayat Abu Daud).</p>	13



<p>Muslimin yang dirahmati Allah,</p> <p>Tanggungjawab ketiga bagi seorang bapa terhadap keluarganya adalah menerapkan akhlak yang mulia.</p> <p>Antara akhlak mulia yang perlu ditekankan ialah menghormati dan mengasihi kedua ibubapa, guru-guru dan jiran tetangga. Sesungguhnya dengan akhlak yang mulia itu akan menjamin keperibadian yang tinggi sebagaimana disarankan oleh Rasulullah SAW.</p>	14
<p>Sebuah hadis daripada Abu Hurairah Radhiallahu Anhu bahawa Rasulullah SAW bersabda:</p> <p style="text-align: center;">إِنَّمَا بُعِثْتُ لِأَتَمِّمَ صَالِحَ الْأَخْلَاقِ</p> <p><i>"Sesungguhnya aku diutuskan untuk menyempurnakan akhlak yang mulia." (Riwayat Ahmad).</i></p>	15
<p>Hadirin Jumaat yang dirahmati Allah,</p> <p>Ibu bapa juga bertanggungjawab untuk memberi kasih sayang, berlaku adil terhadap anak-anak, serta membawa kehidupan yang bahagia dalam rumahtangga. Maka, dianjurkan kepada ibu bapa untuk sentiasa mendoakan ahli keluarganya agar hidup dalam kesejahteraan dan sentiasa bertakwa kepada Allah SWT. Ambil masa untuk bermunajat memohon kepada Allah mendoakan kebahagiaan mereka di dunia dan akhirat. Mudah-mudahan kita menjadi bapa atau pemimpin keluarga yang dapat membimbing mereka ke arah takwa kepada Allah SWT.</p>	16



<p>Hadirin sekalian,</p> <p>Mengakhiri khutbah kali ini, khatib ingin berpesan kepada para jemaah agar dapat mengambil pengajaran daripada khutbah yang disampaikan untuk dijadikan panduan dan pedoman dalam kehidupan seharian. Antaranya adalah:</p> <ol style="list-style-type: none">1. Umat Islam wajib membina keluarga bahagia berteraskan akidah Ahli Sunnah Wal Jamaah.2. Ibu bapa hendaklah menjadi pemimpin dan menunjukkan contoh teladan yang baik serta berakhlak dengan akhlak yang mulia.3. Umat Islam hendaklah sentiasa membimbing dan mendoakan kebaikan bagi seluruh ahli keluarganya supaya mendapat keredaan Allah Taala.	17
<p style="text-align: center;">أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ وَالَّذِينَ يَقُولُونَ رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا ۗ</p>	18
<p><i>“Dan juga mereka (yang diredai Allah itu ialah orang-orang) yang berdoa dengan berkata: "Wahai Tuhan kami, berilah kami beroleh dari isteri-isteri dan zuriat keturunan kami: perkara-perkara yang menyukakan hati melihatnya, dan jadikanlah kami imam ikutan bagi orang-orang yang (mahu) bertakwa.”</i></p> <p style="text-align: right;">(al-Furqan : 74).</p>	19
<p>بَارَكَ اللَّهُ لِي وَلَكُمْ فِي الْقُرْآنِ الْعَظِيمِ، وَنَفَعَنِي وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّي وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.</p>	20
<p>أَقُولُ قَوْلِي هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللَّهَ الْعَظِيمَ لِي وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ، فَأَسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.</p>	21



KHUTBAH KEDUA

<p>أَلْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ لَا شَرِيكَ لَهُ وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ وَرَسُولُهُ.</p>	1
<p>اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ ۖ وَمَنْ تَبِعَهُمْ بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ.</p>	2
<p>أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ، اتَّقُوا اللَّهَ، أُوصِيكُمْ وَإِيَّايَ بِتَقْوَى اللَّهِ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ.</p>	3
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Marilah kita bersatu atas dasar akidah Islam yang pasti dan disimpulkan. Bersatu dalam apa jua situasi, bersatu teguh menghadapi persekitaran dan ancaman musuh yang terang dan terselindung. Bersatunya umat Islam adalah kekuatan paling dasar ke arah pembinaan Khaira Ummah (umat terbaik). Umat Islam berhak untuk berbeza pendapat, apalagi dalam soal urusan duniawi, namun umat Islam hendaklah terus bersatu dalam fikrah dan kefahaman mengikut garis rentas kalimah لا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ, prinsip-prinsip penegasan al-Quran dan al-Hadis serta prinsip persaudaraan Islam yang kukuh.</p>	4
<p>Hadirin yang berbahagia,</p> <p>Dalam usaha kita memutuskan rantaian Covid-19 ini, setiap Jemaah diminta terus berdisiplin dan wajib mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang telah ditetapkan oleh pihak JAIS khususnya mengambil wuduk di rumah, membawa sejadah masing-masing, memakai pelitup muka (face mask) ketika hadir di Masjid dan Surau serta mengamalkan penjarakan fizikal. Bagi mereka yang tidak sihat adalah dilarang sama sekali untuk melaksanakan solat di Masjid dan Surau.</p>	5



اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ، إِنَّكَ سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ الْحَاجَاتِ.	6
اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْتَحَفِظَ بِعَيْنِ عِنَايَتِكَ الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحَفِظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ،	7
جَلَالَةَ مَلِكِنَا الْمُعْظَمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ، سُلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج ابن المرحوم سُلْطَانَ صَلاَحِ الدِّينِ عبد العزيز شاه الحاج.	8
اللَّهُمَّ أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ، وَالصِّحَّةَ وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ، تَعَاوَى أَمِيرِ شَاهِ اِبْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ ادريس شاه الحاج	9
فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمَوْظُفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ، وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.	10
Ya Allah, Engkaulah Tuhan yang Maha Berkuasa, kami bersyukur kehadiran-Mu yang telah mengurniakan rahmat dan keberkatan kepada negeri ini yang terus sejahtera dan maju, serta rakyatnya bersatu padu, dibawah naungan dan pimpinan raja kami sebagai Ketua Agama Islam di negeri ini. Ya Allah, lindungilah kami daripada bala bencana dan wabak penyakit seperti Covid-19.	11
اللَّهُمَّ يَا دَافِعَ الْبَلَاءِ، اذْفَعْ عَنَّا هَذَا الْوَبَاءَ وَالْبَلَاءَ وَالْمَرَضَ وَالشَّدَائِدَ وَالْمِحْنَ، بِطُفِكَ يَا لَطِيفُ إِنَّكَ عَلَى كُلِّ شَيْءٍ قَدِيرٌ وَبِالْإِجَابَةِ جَدِيرٌ.	12



<p>رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّاتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ وَاجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا حَسَنَةً وَفِي الآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ.</p>	13
<p>عِبَادَ اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايِ ذِي الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿١٠١﴾</p>	14
<p>فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُوا لَهُ عَلَىٰ نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ ۗ يُعْطِيكُمْ وَلْيَذْكُرِ اللَّهُ أَكْبَرُ ۗ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.</p>	15



*Khutbah Jumaat 2 Okt. 2020M / 14 Safar 1442H: "Ku Pimpin Dikau".
Jabatan Agama Islam Selangor*